

**RANCANGAN PERNIAGAAN
(ETR 300)**



**PROTENS
TENUSU PRODUCT
(YOGURT BUAH-BUAHAN DAN DADEH)**

DISEDIAKAN OLEH:

AZIZAH BINTI OTHMAN	95396634
NORISAH BINTI JANTAN	94785168
NURSYUHAILA BINTI MUHAMMAD	95297836
SHAHROL IDHAM BIN AB RAHMAN	95974645

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
(DPA 5A)**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
MELAKA**



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

Surat Tuan:

Surat Kami:

28hb. November 1997 Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 **06-5591067**

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Shahrol Idham Ab Rahman	95974645
2.	Azizah Othman	95396634
3.	Nur Syuhaila Muhammad	95297836
4.	Norisah Jantan	94785168

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarluaskan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

**Diploma Pentadbiran Awam
Kajian Pentadbiran dan Undang-undang
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka**

**En. Abdul Hameed B. Maideen
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka.**

23 Februari 1998

Tuan

Laporan Rancangan Perniagaan


Kami yang terdiri daripada 4 orang pelajar dari kursus Diploma Pentadbiran Awam, dengan ini mengemukakan satu cadangan Rancangan Perniagaan yang bertajuk pengeluaran Produk Tenusu oleh satu syarikat yang kami cadangkan iaitu PROTENS PRODUCTS sebagai memenuhi syarat bagi pengajian semester 05 Diploma Pentadbiran Awam di bawah matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

2. Di dalam menjayakan projek ini beberapa pihak telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dimana segala kerjasama mereka telah menghasilkan cadangan Rancangan Perniagaan ini.

3. Kami mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak tuan yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat serta kritikan yang membina di dalam proses menyiapkan laporan cadangan Rancangan Perniagaan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang telah sudi dan sanggup meluangkan masa memberi maklumat-maklumat yang diperlukan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,




(Azizah Binti Othman)



(Norisah Binti Jantan)



(Nur Syuhaila Binti Muhammad)



(Shahrol Idham Bin Ab. Rahman)

Pengenalan.

PROTENS Tenuzu Product merupakan sebuah syarikat cadangan untuk memodenisasikan sebuah ladang lembu. Ia akan mengeluarkan dan mengedarkan produk dari hasil susu lembu itu sendiri. Adalah dicadangkan syarikat ini dimiliki oleh MR. Bacha Lal seorang seorang penternak lembu tempatan yang mana dia merupakan pengeluar susu lembu asli yang terbesar di Malaysia. Kami mencadangkan agar syarikat ini menghasilkan produk dari hasil susu lembu yang diperolehi dari ladang ini. Produk yang kami cadangkan ialah Yogurt dan Dadeh.

Sepertimana yang diketahui , semua produk tenuzu yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia adalah campuran dari susu lembu import yang diperolehi dari New Zealand, Australia dan Belanda. Dari hakikat ini, sebagai usaha mengurangkan pengaliran wang keluar negara yang banyak, kami mencadangkan agar susu lembu tempatan digunakan sepenuhnya dalam menghasilkan produk.

Ini memberi peluang kepada kami untuk mencadangkan satu bidang pengeluaran berasaskan susu agar ianya memberi peluang kepada penternak-penternak lembu yang lain mengeluarkan produk tenuzu dari hasil ternakan lembu mereka.

Latarbelakang

Kajian kami ini berdasarkan sebuah ladang di Air Molek, Melaka kepunyaan seorang penternak lembu susu yang terkenal di Melaka iaitu MR. Bacha Lal. Tujuan kajian kami ini adalah untuk mengkormesialkan ladang ini di mana setiap hasil tenuzu yang diperolehi akan digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan produk iaitu Yogurt dan Dadeh.

a) Jenis-jenis lembu

Jenis lembu yang terdapat di ladang Mr. Bacha Lal ialah dari jenis Friesian Sahiwal. Lembu ini merupakan lembu import kacukan India dan Australia dan ia sesuai dengan cuaca di sini.

Di ladang ini terdapat:

- | | |
|----------------------|-----------------------|
| -100 ekor lembu ibu | - 60 ekor lembu dara |
| - 90 ekor anak lembu | - seekor lembu jantan |